31 Julai 2024
31 July 2024
P.U. (A) 202

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2024

MONEYLENDERS (CONTROL AND LICENSING) (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG (KAWALAN DAN PELESENAN) (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29H Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2024**.

Pindaan peraturan 10

2. Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 [*P.U. (A) 400/2003*], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 10—

(a) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

"(2A) (1) Tiap-tiap perjanjian pemberian pinjaman wang hendaklah ditandatangani—

(a) bagi pihak pemberi pinjam wang, oleh orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh pengarah atau pemilik perniagaan pemberian pinjam wang itu; dan

(b) oleh peminjam.

(2) Tiap-tiap perjanjian pemberian pinjaman wang di bawah subperaturan (1) hanya boleh berkuat kuasa selepas ia ditandatangani.".

(b) dalam subperaturan (5), dengan memasukkan selepas perkataan "melanggar subperaturan" perkataan "(2A) dan (4).".

Peraturan baharu 15A

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 15 peraturan yang berikut—

"**Larangan penyimpanan dokumen peribadi peminjam**

15A. (1) Seseorang pemberi pinjam wang tidak boleh menyimpan—

(a) kad pengenalan atau pasport peminjam;

(b) kad mesin teler automatik, buku akaun bank atau maklumat yang berhubungan dengan akses pengeluaran wang akaun bank peminjam; atau

(c) apa-apa dokumen peribadi lain peminjam.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini.".

Pindaan Jadual J

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual J, dalam Jadual Pertama, dengan menggantikan butiran 7 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

No. Seksyen	*Perkara*	*Butir-butir*
"7.	Jumlah keseluruhan bayaran balik".	

Pindaan Jadual K

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual K, dalam Jadual Pertama, dengan menggantikan butiran 10 dan butir-butir yang berhubungan dengannya dengan butiran dan butir-butir yang berikut:

No. Seksyen	*Perkara*	*Butir-butir*
"10.	Jumlah keseluruhan bayaran balik".	

Dibuat 24 Julai 2024
[KPKT.100-1/11/1; PN(PU2)108/XIII]

NGA KOR MING
Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS (CONTROL AND LICENSING) (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 29H of the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*], the Minister makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Moneylenders (Control and Licensing) (Amendment) Regulations 2024**.

Amendment of regulation 10

2. The Moneylenders (Control and Licensing) Regulations 2003 [*P.U. (A) 400/ 2003*], which are referred to as the "principal Regulations" in these Regulations, are amended in regulation 10—

(a) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

"(2A) (1) Every moneylending agreement shall be signed—

(a) on behalf of the moneylender, by the person authorized in writing by the director or owner of such money lending business; and

(b) by the borrower.

(2) Every moneylending agreement under subregulation (1) can only be enforced after being signed.".

(b) in subregulation (5), by inserting after the words "contravenes subregulation" the words "(2A) and (4).".

New regulation 15A

4. The principal Regulations are amended by inserting after regulation 15 the following regulation:

"**Prohibition on keeping personal documents of the borrower**

15A. (1) A moneylender shall not keep—

(a) the identity card or passport of the borrower;

(b) the automatic teller machine card, bank account book or information relating to the accessibility withdrawal of money of the borrower; or

(c) any other personal documents of the borrower.

(2) Any person who contravenes subregulation (1) commits an offence under these Regulations.".

Amendment of Schedule J

5. The principal Regulations are amended in the Schedule J, in the First Schedule, by substituting item 7 and the particulars relating to it the following item and particulars:

Section No.	*Item*	*Particulars*
"7.	Total repayment".	

Amendment of Schedule K

6. The principal Regulations are amended in the Schedule K, in the First Schedule, by substituting item 10 and the particulars relating to it the following item and particulars:

Section No.	*Item*	*Particulars*
"10.	Total repayment".	

Made 24 July 2024
[KPKT.100-1/11/1; PN(PU2)108/XIII]

NGA KOR MING
Minister of Development of Local Government